


FINGERTEC



Keylock 8800

Panduan Pengguna

ISI KANDUNGAN

3-4 **BAB 1 • MEMULAI**

Merujuk Panduan Pengguna di Internet
Aksesori yang dibekalkan
Bahan cetak yang dibekalkan
Pemasangan Keylock 8800
Mengaktifkan Keylock 8800
Mendaftar Jaminan

5-7 **BAB 2 • ASAS**

Pengenalan
Gambaran Keseluruhan
Mengaktifkan Semula Keylock 8800
Papan Kekunci
Cara Untuk Masuk ke Menu Utama
Tetapan Tarikh dan Masa
Tetapan Bahasa
Pembersihan
Mula Semula dan Set Semula Keylock 8800

8-10 **BAB 3 • MENU UTAMA - PENGURUSAN PENGGUNA**

Pendaftaran Pengguna
Pengesahan Pengguna
Memadam Pengguna
Aras Akses/Keistimewaan

11-12 **BAB 4 • PILIHAN AKSES PINTU**

Aktifkan Penggera
Bilangan Percubaan yang Dibenarkan
Kunci (Jangkamasa Pembukaan Pintu)
Mod Tetapan Pengesahan
Jenis Mod Pelawat
Pilihan Kad Sahaja
Set Semula ke Tetapan Sebenar Kilang
Memadam Rekod
Memadam Semua Data
Memadam Keistimewaan Pentadbir
Memadam Rekod 5

13 **BAB 5 • PENGURUSAN PEMACU KILAT USB**

Menggunakan USB untuk Muat Turun/Naik Data
Menggunakan USB untuk Muat Turun Rekod
Menggunakan USB untuk Muat Turun Pengguna
Menggunakan USB untuk Muat Naik Pengguna
Menggunakan USB untuk Kemas Kini Firmware

14 **BAB 6 • INFORMASI SISTEM**


Layari Rekod Kehadiran
Informasi Alat

1. Memulai


MERUJUK PANDUAN PENGGUNA DI INTERNET

Panduan Pengguna Keylock 8800 dibekalkan di dalam pakej apabila anda membeli FingerTec Keylock 8800. Panduan Pengguna ini juga boleh didapati di fingertec.com dan user.fingertec.com. Pilihlah bahasa yang diinginkan untuk Panduan Pengguna.

AKSESORI YANG DIBEKALKAN




Getah Cushion



Getah Plat (depan dan belakang)



Bateri AA




Penahan Lubang



Batang



Kunci Latch




Selak Pintu



RFID Gantungan Kunci (5pcs)



Kunci



Penerima Selak



Skru

BAHAN CETAK YANG DIBEKALKAN

- FingerTec Komprehensif DVD
- Panduan Mula Cepat
- Risalah
- User Template Borang Pendaftaran
- Kad Jaminan


PEMASANGAN KEYLOCK 8800

Lihat panduan video pemasangan Keylock 8800 dari pautan ini.

<http://user.fingertec.com/user-vd-KEYLOCK8800.htm>

MENGAKTIFKAN KEYLOCK 8800

Masukkan empat bateri alkalin AA di belakang Keylock 8800 dan tekan butang OK/Menu untuk mengaktifkan Keylock 8800. 4 bateri alkarin AA boleh digunakan untuk 5000 operasi mengikut piawai.



MENDAFTAR JAMINAN


Pastikan anda mendaftar jaminan Keylock 8800 anda di fingertec.com/user-vd-KEY-LOCK8800.htm.

2. Asas

PENGENALAN


FingerTec® Keylock 8800 merupakan satu penemuan baru bagi rekabentuk kunci pintu mekanikal dengan tampilan ciri-ciri yang lebih baik. Keylock 8800 menerima cara pengesahan cap jari, kata laluan dan sistem kad, semua dalam satu mesin untuk proses operasi yang lebih mudah. Pendaftaran dan pengurusan pengguna mudah dilakukan melalui skrin LCD dan butang ringkas. Seorang pentadbir boleh melakukan pendaftaran, penghapusan dan pembetulan pengguna pada Keylock 8800 dengan mudah. Keylock 8800 juga direka untuk membenarkan peralihan data melalui Pemacu Kilat USB. Keylock 8800 digandingkan dengan kunci mortis untuk keselamatan yang lebih terjamin.

GAMBARAN KESELURUHAN



Item	Fungsi
Skrin LCD	Memaparkan status bateri, status Keylock 8800, tarikh dan masa.
Papan kekunci	Untuk masukkan arahan ke Keylock 8800 dan melakukan konfigurasi.
Kawasan Pengenalan Kad	Membaca informasi kad berdasarkan sistem kad Keylock 8800.
Button Up Power	Kuasa sehingga peranti Keylock 8800 dari mod terbiar.

Item	Fungsi
Pengimbas Cap Jari	Digunakan untuk mengimbas cap jari untuk pengesahan iden titi.
Keyhole	Buka penutup untuk mencari lubang kunci jika anda mahu membuka pintu dengan menggunakan kunci mekanikal.
Slot Bateri	Masukkan empat biji bateri alkalin AA untuk bekalan kuasa.
Port USB	Untuk menyambung sambungan USB yang dibekalkan dan muat turun/muat naik data dari/ke Keylock 8800.



Bateri Menunjukkan jangka hayat bateri di Keylock 8800.
Masa / Tarikh Menunjukkan masa dan tarikh untuk Keylock 8800.
Status Menunjukkan status Keylock 8800. "Keylock 8800" menunjukkan Keylock kini sedia untuk digunakan.

MENGAKTIFKAN SEMULA KEYLOCK 8800

Keylock 8800 merupakan alat jimat-tenaga. Selepas setiap penggunaan, Keylock 8800 akan kembali ke status diam. Tekan butang OK/Menu untuk mengaktifkan Keylock 8800.

PAPAN KEKUNCI

	Untuk kembali ke arahan sebelum / Untuk masukkan nombor 1
	Untuk ke atas dan menukar nombor secara menaik / Untuk memasukkan nombor 2
	Untuk ke bawah dan menukar nombor secara menurun / Untuk masukkan nombor 3
	Untuk masukkan nombor 4
	Untuk masuk ke menu utama dan sahkan arahan tertentu

CARA UNTUK MASUK KE MENU UTAMA

Pentadbir diperlukan sebelum pengguna cap jari boleh didaftar ke Keylock 8800. Apabila templat cap jari pentadbir telah dipadamkan, tiada pendaftaran pengguna baru boleh dilakukan tanpa pendaftaran pentadbir baru. Namun begitu, pengguna normal boleh menjadikan dirinya sebagai pentadbir untuk masuk ke sistem menu.

Untuk mendaftarkan sebagai pentadbir:

Tekan butang OK/Menu (lebih kurang 5-8 saat) sehingga anda boleh melihat Menu Utama. Hanya pendaftaran pentadbir dibenarkan apabila anda akses pada kali pertama.

Tekan OK/Menu (lama) > Pgrsn Pgguna > Dftr Pentadb > Pilih antara 3 jenis pendaftaran: Daftar CJ/ Daftar Ktlaluan/ Daftar RFID > Ikuti arahan seterusnya pada skrin > Tekan OK (Simpan) untuk simpan di Menu Utama

Apabila seorang pentadbir telah didaftarkan di Keylock 8800, sebarang percubaan untuk akses ke Menu Utama akan menghasilkan paparan "Pengesahan Pentadbir" pada terminal. Cap jari atau kata laluan pentadbir diperlukan untuk akses ke fungsi-fungsi lain.

TETAPAN TARIKH DAN MASA

Keylock 8800 berguna untuk masa kehadiran dan kawalan akses pintu. Untuk memastikan alat ini mengambil tarikh dan masa akses yang betul. Menu Utama > Pilihan > Pilihan Sistem > Set Tarikh Masa > OK

TETAPAN BAHASA

Pilih bahasa untuk Keylock 8800 mengikut bahasa yang diinginkan. Menu > Pilihan > Pilihan Sistem > Pilih Bahasa > OK

PEMBERSIHAN

Lap Keylock 8800 dengan sehelai kain yang kering untuk mengekalkan terminal berkilat. **Bersihkan Pengimbas** Bersihkan pengimbas cap jari dengan kain mikro-fiber.

MULA SEMULA DAN SET SEMULA KEYLOCK 8800

Jika terminal ini tidak berfungsi dengan betul, cuba untuk mulakan terminal semula atau set semula Keylock 8800.

Mula Semula Setiap Keylock 8800 dibekalkan dengan dua set kunci mekanikal untuk kecemasan. Untuk memulakan terminal semula, anda perlu akses menggunakan kunci mekanikal. Buka plat belakang dan keluarkan satu daripada bateri. Masukkan ia semula dan tekan butang OK/Menu untuk memulakan Keylock 8800 semula.

Set Semula Pastikan anda betul-betul mahu untuk set semula terminal kerana semua tetapan akan kembali ke tetapan kilang apabila anda menekan butang OK. Untuk set semula ke tetapan kilang, tekan Menu > Pilihan > Pilihan Sistem > Pilihan Lanjut > Set Semula Pilihan > OK

Sila hubungi support@fingertec.com jika anda perlu memintas keistimewaan pentadbir dan set semula unit itu. FingerTec Worldwide akan memerlukan sedikit pengesahan daripada anda sebelum sebarang informasi diberikan.

3 • Menu Utama – Pengurusan Pengguna

PENDAFTARAN PENGGUNA

Keylock 8800 boleh menyimpan 500 cap jari, 100 kata laluan dan 500 kad RFID.



Pendaftaran Cap Jari Adalah disyorkan untuk mendaftar dua cap jari untuk satu ID pengguna. Satu templat adalah default dan satu lagi akan digunakan sebagai sandaran. Anda perlu memeriksa kualiti cap jari sebelum membuat sebarang pendaftaran cap jari. Adalah penting untuk mengesan titik tengah cap jari kerana titik tengah itu perlu diletakkan pada bahagian tengah pengimbas semasa pendaftaran untuk mendapatkan pembacaan yang bagus. Anda juga perlu pastikan cap jari tidak terlalu basah atau kering semasa pendaftaran.

Untuk mendaftar cap jari Menu > Pgrsn Pgguna > Dftr Pgguna > Daftar CJ (Ikuti arahan pada skrin) > OK(Simpan)

Pendaftaran Kad Kad default untuk Keylock 8800 ialah RFID. Sistem kad MiFare dan HID hanya akan dibuat jika ada permintaan.

Untuk mendaftar kad RFID Anda perlu tahu sistem kad Keylock 8800 anda. Untuk Keylock 8800 asas, kad sistemnya adalah RFID. Untuk mendaftar kad RFID: Menu > Pgrsn Pgguna > Dftr RFID (Ikuti arahan yang diberikan di skrin untuk meneruskan)

Untuk mendaftar kad MiFare Anda perlu membuat pesanan khas untuk sistem MiFare Keylock 8800. Menu Utama untuk sistem MiFare adalah berlainan berbanding dengan menu default piawai.

Menu > Pgrsn Pgguna > Pgrsn CJKad

Cipta PINKad Ciri ini adalah untuk mencipta kad pengenalan tanpa menyimpan sebarang cap jari.

Menu > Pgrsn Pgguna > Pgrsn CJKad > Cipta PINKad (Ikuti arahan pada skrin)

Daftar Kad CJ Sebelum pendaftaran KadCJ boleh dilakukan, pentadbir perlu mencipta kad cap jari dahulu. Pendaftaran ini memerlukan templat cap jari didaftar ke dalam kad.

Menu > Pgrsn Pgguna > Pgrsn KadCJ > Dftr KadCJ (Ikuti arahan di skrin)

Cipta Kad CJ Gunakan fungsi ini untuk mencipta kad yang boleh menerima cap jari sebelum anda beralih ke fungsi Dftr KadCJ.

Menu > Pgrsn Pgguna > Pgrsn KadCJ > Cipta KadCJ (Ikuti arahan pada skrin)

Kosongkan Kad Gunakan fungsi ini untuk mengosongkan isi kandungan di dalam kad. Untuk padamkan kandungan di dalam kad: Menu > Pgrsn Pgguna > Pgrsn Kad CJ > Kosongkan Kad.

Apabila anda nampak “Tulis Berjaya”, kad telah dikosongkan dan boleh digunakan semula.

Pendaftaran Kata laluan Keylock 8800 menerima pelbagai cara pendaftaran dan kata laluan boleh digunakan atau digabungkan dengan cara pengesahan cap jari. Kata laluan terdiri daripada gabungan nombor 1-4 dan panjang maksimum kata laluan adalah 10 digit.

Untuk mendaftar kata laluan Menu > Pgrsn Pgguna > Dftr Pgguna > Dftr Klaluan (Ikuti arahan pada skrin) > OK(Simpan)

Untuk mendaftar cap jari dan kata laluan Menu > Pgrsn Pgguna > Dftr Pgguna > Dftr CJ & KL (Ikuti arahan pada skrin) > OK(Simpan)

(model MiFare sahaja)

PENGESAHAN PENGGUNA

Cara Pengesahan	Apakah kegunaannya
1:N (Satu ke Banyak)	Pengesahan 1:N – 1:N tidak memerlukan sebarang input ID Pengguna anda. Letakkan jari anda pada pengimbas dan Keylock 8800 akan mengambil beberapa saat untuk mengesahkan identiti anda. Tekan butang OK/Menu untuk mengaktifkan terminal. Anda tidak perlu mengenalpasti ID Pengguna anda sebelum meletakkan sebarang ciri biometrik pada pengesahan. Hanya letakkan jari anda untuk pengesahan.
Pengesahan Kata Laluan	Tekan butang OK/Menu untuk mengaktifkan terminal. Masukkan kata laluan anda untuk pengesahan.
Pengesahan Kad	Tekan butang OK/Menu untuk mengaktifkan terminal. Letakkan kad anda di depan terminal untuk disahkan.

Anda perlulah mengambil beberapa langkah berjaga-jaga untuk memastikan anda mendapat bacaan cap jari yang baik.

- Pastikan titik tengah jari anda diletakkan di tengah-tengah pengimbas untuk pembacaan yang baik.
- Anda disyorkan untuk menggunakan jari telunjuk. Keylock 8800 boleh menerima jari yang lain, tetapi jari telunjuk lebih mudah digunakan.
- Pastikan jari anda tidak terlalu basah, terlalu kering, cedera atau kotor.
- Jangan menekan pengimbas dengan kuat, hanya letakkan jari dengan selesa.
- Elakkan dari pancaran matahari atau cahaya yang terang.

Suara / Mesej	Apakah maksudnya?
"User ID XXXXX"	Pengesahan identiti berjaya, Keylock 8800 menyimpan rekod transaksi dan akan membuka pintu.
"Sila Cuba Lagi"	Pengesahan identiti gagal kerana jari tidak diletakkan pada posisi yang betul atau templat tiada di Keylock 8800.
"Pengesahan Pentadbir"	Anda bukan pentadbir sistem dan anda tidak boleh akses ke halaman Menu.
"Kata Laluan Salah"	Pengesahan identiti gagal kerana anda telah masukkan kata laluan yang salah pada Keylock 8800.
"Kad Tidak Sah"	Kad yang digunakan belum didaftar atau kad telah rosak.

MEMADAM PENGGUNA

Hanya pentadbir boleh memadam pengguna di Keylock 8800. Untuk memadam pengguna tertentu, tekan Menu > Pgrsn Pgguna > Padam Pgguna > Masukkan ID Pengguna yang ingin dipadam. Keylock 8800 akan memadam cap jari dan kata laluan dahulu sebelum mengingatkan anda untuk memadam pengguna. Jika anda yakin mahu padam pengguna ini, tekan OK.

ARAS AKSES/KEISTIMEWAAN

Keylock 8800 menawarkan dua jenis aras akses atau keistimewaan.

Keistimewaan	Apa yang anda boleh lakukan?
Penyelia	Anda dibenarkan untuk akses ke menu untuk mendaftar pengguna dan mengubah tetapan dan sistem.
Pentadbir	Anda dibenarkan untuk akses ke menu tetapi tidak dibenarkan akses ke Tetapan Lanjut. Tetapan Lanjut membenarkan pepadaman rekod, data dan pengguna.
Pengguna Biasa	Hanya guna Keylock 8800 untuk mengesahkan identity. Anda tidak boleh akses ke Menu atau membuat sebarang perubahan pada tetapan dan sistem.

4 • Pilihan Akses Pintu

AKTIFKAN PENGGERA

Keylock 8800 dilengkapi dengan penggera untuk menyedarkan pengguna jika ada pengguna yang tidak sah cuba untuk akses ke Menu Utama. Fungsi ini berjalan selari dengan tetapan Bilangan Percubaan di Keylock 8800. Apabila seorang yang tidak sah mencuba lebih dari bilangan yang ditetapkan, Keylock 8800 akan membunyikan penggera jika penggera diaktifkan. Menu > Pilihan > Pilihan Operasi > Penggera > Y/T

BILANGAN PERCUBAAN YANG DIBENARKAN

Anda boleh setkan bilangan percubaan yang dibenarkan di Keylock 8800 sebagai langkah keselamatan. Apabila pengguna melebihi bilangan percubaan; penggera akan berbunyi jika penggera diaktifkan. Bilangan default adalah 10 tetapi julatnya adalah antara 0-99. Menu > Pilihan > Pilihan Operasi > Bilangan Percubaan > Masukkan nombor. Jika pengguna mencuba lebih dari bilangan yang dibenarkan, penggera akan mengeluarkan bunyi beep panjang selama 30 saat. Tiada operasi boleh dilakukan pada unit ini selama 30 saat itu dan mesin akan tertutup selepas itu. Untuk mengaktifkan semula, tekan butang OK/Menu dan pengguna yang sah perlu disahkan dalam 30 saat atau penggera akan bunyi semula.

KUNCI (JANGKAMASA PEMBUKAAN PINTU)

Pintu akan membenarkan anda untuk membuka pintu pada jangkamasa tertentu selepas pengesahan. Anda boleh menentukan jangkamasa untuk pintu dibuka selepas pengesahan. Masa default adalah 5 saat dan julatnya adalah antara 0-99 saat. Setelah jangkamasa ini tamat, pintu akan dikunci dan tidak akan memberi tindak balas apabila anda memutar pemegang. Menu > Pilihan > Pilihan Operasi > Kunci > Masukkan nombor.

MOD TETAPAN PENGESAHAN

Mod Pengesahan ialah tetapan aras keselamatan pengesahan untuk akses. Terdapat 3 jenis mod pengesahan yang boleh dipilih.

0 - Hanya membenarkan pentadbir untuk akses.

1 - Membenarkan semua pengguna untuk akses.

2 - Semua pengguna harus disahkan melalui 2 jenis pengesahan yang berlainan untuk akses contohnya cap jari dan kata laluan, kad MiFare dengan cap jari dan cap jari, kad RFID dan kata laluan, kad RFID dan cap jari, dsb. Semua pengguna perlu mendaftar dengan 2 cara yang berlainan.

NOTA: *Tetapan di atas hanya boleh digunakan jika fungsi Kad Sahaja disetkan ke T. Rujuk ke halaman 9.*

JENIS MOD PELAWAT

Anda boleh setkan mod pelawat mengikut keperluan anda. Sesetengah orang mungkin mahukan pintu ditutup sepanjang masa dan hanya boleh diakses melalui pengesahan identity. Mod ini dipanggil Selalu Tutup atau ST.

Terdapat bilik yang memerlukan pintu dibuka setiap masa selepas pengesahan awal. Mod ini dikenali sebagai Selalu Buka atau SB.

Tentukan mod pelawat anda: Menu > Pilihan > Pilihan Operasi > Selalu Buka > Ya/ Tidak

PILIHAN KAD SAHAJA

Jika anda ingin menggunakan Kad Sahaja di Keylock 8800 tanpa menggunakan lain-lain cara pengesahan, setkan di sini: Menu > Pilihan > Pilihan Operasi > Kad Sahaja > Y/T

(Model MiFare sahaja)

SET SEMULA KE TETAPAN SEBENAR KILANG

Terdapat beberapa keadaan yang memerlukan anda untuk set semula Keylock 8800 ke tetapan sebenar kilang. Apabila langkah ini tamat, tetapan lama anda tidak akan ada lagi. Anda perlu melakukan tetapan bagi menyesuaikan dengan kehendak anda. Menu > Pilihan > Pilihan Sistem > Pilihan Lanjut > Pilihan Set Semula

MEMADAM REKOD

Rekod adalah data yang disimpan oleh Keylock 8800 selepas pendaftaran dan pengesahan. Jika anda telah memadam rekod di Keylock 8800, data itu tidak boleh didapatkan semula. Sila dapatkan kepastian sebelum menjalankan fungsi ini kerana fungsi ini tidak boleh ditarik balik. Menu > Pilihan > Pilihan Sistem > Pilihan Lanjut > Padam Rekod > OK

MEMADAM SEMUA DATA

Untuk memadam semua data di Keylock 8800, bukan sahaja rekod transaksi tetapi informasi pengguna juga. Sila dapatkan kepastian sebelum menjalankan fungsi ini kerana fungsi ini tidak boleh ditarik balik. Menu > Pilihan > Pilihan Sistem > Pilihan Lanjut > Padam Semua Data > OK

MEMADAM KEISTIMEWAAN PENTADBIR

Keylock 8800 menawarkan dua keistimewaan, Penyelia dan Pengguna Biasa. Memadamkan keistimewaan pentadbir dari sistem akan membuatkan sistem mudah diakses oleh orang lain. Sila dapatkan kepastian sebelum menjalankan fungsi ini. Menu > Pilihan > Pilihan Sistem > Pilihan Lanjut > Pdm Keistimewaan Pentadb > OK

NOTA: *Apabila templat cap jari pentadbir dipadam, tiada pendaftaran baru boleh dilakukan tanpa melakukan pendaftaran penyelia baru. Namun, pengguna biasa boleh meletakkan dirinya sebagai pentadbir untuk akses ke sistem menu.*

MEMADAM REKOD S

Rekod S merujuk kepada rekod pengimbas (scanner), iaitu jumlah bilangan pengimbas digunakan untuk pengesahan, tidak kira berjaya atau gagal. Untuk padam rekod pengimbas: Menu > Pilihan > Pilihan Sistem > Pilihan Lanjut > Padam RekodS > OK

(Model MiFare sahaja)

5 • Pengurusan Pemacu Kilat USB

MENGGUNAKAN USB UNTUK MUAT TURUN/NAIK DATA

Pemacu kilat USB adalah berguna untuk muat turun dan muat naik data dari Keylock 8800. Satu-satunya cara Keylock boleh berkomunikasi dengan komputer ialah melalui USB. Untuk menetapkan jenis USB yang sesuai dengan terminal FingerTec®, sila rujuk ke pautan ini fingertec.com/newsletter/HL_74.html

Anda perlu masukkan pemacu kilat USB pada port USB yang terletak di bahagian belakang terminal Keylock 8800. Rujuk ke halaman 3. Apabila pemacu kilat USB telah sedia, jalankan fungsi ini: Menu > Pgrsn USB

MENGGUNAKAN USB UNTUK MUAT TURUN REKOD

Rekod pengesahan yang dilakukan di Keylock 8800 boleh dimuat turun ke perisian melalui USB. Menu > Pgrsn USB > M.Turun Rekod

MENGGUNAKAN USB UNTUK MUAT TURUN PENGGUNA

Untuk muat turun pengguna dari Keylock 8800 ke perisian: Menu > Pgrsn USB > M.Turun Pengguna

MENGGUNAKAN USB UNTUK MUAT NAIK PENGGUNA

Untuk muat naik pengguna dari perisian ke Keylock 8800: Menu > Pgrsn USB > M.Naik Pengguna

MENGGUNAKAN USB UNTUK KEMAS KINI FIRMWARE

Untuk muat naik firmware ke Keylock 8800: Menu > Pgrsn USB > Kemaskini FW

